

Konsep e-Pembelajaran di AeU

■ Warga kerja tidak lagi perlu risau kekangan masa, kos tinggi ikuti pengajian jarak jauh



“ Di SECS, kami melaksanakan tiga kaedah pengajaran dan pembelajaran iaitu pertemuan menerusi kuliah selama 10 jam maksimum untuk setiap semester, pembelajaran sendiri menggunakan bahan dibekalkan dan forum secara online pada waktu yang ditentukan. Setiap penuntut akan menerima bahan lengkap ini di portal pembelajaran disediakan AeU”

John Arul Phillips

Oleh Rosyahaida Abdullah
rosyahaida@hmetro.com.my

Memiliki fleksibiliti ketika mengikuti pengajian di peringkat tinggi pastinya suatu kelebihan yang diinginkan setiap penuntut untuk membolehkan mereka mengatur jadual pembelajaran dan pada masa sama menguruskan agenda lain.

Golongan yang bekerja khususnya, kriteria itu cukup penting dan sentiasa menjadi keutamaan bagi membolehkan mereka terus memperoleh pendapatan yang dapat membantu menampung kos pengajian sekali gus melalui peningkatan dalam kerjaya sedia ada.

Asia e Univeristy (AeU) cuba menyediakan platform berkenaan buat warga pekerja menerusi penawaran program berkonsepkan e-Pembelajaran atau lebih sinonim dengan nama pendidikan jarak jauh.

Dekan Sekolah Pendidikan dan Sains Kognitif (SECS) AeU Prof Dr John Arul Phillips berkata, program pengajian dalam bidang pendidikan ditawarkan melalui SECS bermatlamat memenuhi impian golongan itu terutama di kalangan pendidik yang mahu meningkatkan kelayakan akademik mereka dalam profesion diceburi.

Dengan hanya 10 jam maksimum bagi tempoh kuliah di pusat pembelajaran untuk setiap semester, penuntut SECS tidak perlu lagi risau dengan tugas di tempat kerja khususnya menguruskan murid yang sememangnya menjadi tanggungjawab hakiki setiap pendidik di sekolah.

Selaras hasrat kerajaan yang menginginkan guru sekolah rendah memiliki sekurang-kurangnya sarjana muda, fleksibiliti disediakan AeU membolehkan mereka membahagikan masa secara lebih bijak dan tidak mengabaikan mana-mana tanggungjawab.

“Di SECS, kami melaksanakan tiga kaedah pengajaran dan pembelajaran iaitu pertemuan menerusi kuliah selama 10 jam maksimum untuk setiap semester, pembelajaran sendiri menggunakan bahan dibekalkan dan forum secara online pada waktu yang ditentukan.

“Setiap penuntut akan menerima bahan lengkap ini di portal pembelajaran yang disediakan pihak universiti apabila penuntut boleh memuat naik nota, klip video, klip audio, PowerPoint dan apa saja keperluan pembelajaran berkai-

tan pada bila-bila masa di mana-saja,” katanya kepada Harian Metro ketika ditemui di Jalan Sultan Sulaiman, di sini.

Bagi kuliah selama 10 jam itu, penuntut AeU hanya perlu hadir ke pusat pembelajaran selama dua jam sebulan berbanding kebanyakan universiti lain memerlukan mereka menyertai kuliah sehingga 42 jam dalam setiap semester.

Sementara itu, John berkata, tidak banyak institusi pengajian tinggi (IPT) swasta negara ini menawarkan program pendidikan.

Dalam hal berkenaan, peranan AeU semakin penting untuk memastikan hasrat pendidik menyambung pengajian terlaksana dengan jayanya.

“Bayangkan, 80 peratus tenaga kerja negara ini memiliki kelayakan akademik setakat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kebanyakan mereka sebenarnya ingin belajar, namun mungkin kurang mengetahui peluang tersedia tambahan pula program pengajian tinggi untuk dewasa memang tidak cukup.

“Inilah peranan yang dimainkan AeU untuk memastikan hasrat mencapai negara maju berhasil.

“Kita tidak dapat lari daripada kenyataan bahawa kelayakan akademik sangat penting untuk naik pangkat,” katanya sambil menambah AeU turut menawarkan diskaun sebanyak 50 peratus bagi yuran pengajian untuk penuntut berusia 55 tahun ke atas.

Beliau bagaimanapun tidak menafikan wujud pendapat mempersoalkan keberkesanan pembelajaran secara atas talian disebabkan kekangan komunikasi bagi kaedah itu berbanding pertemuan bersemuka.

“Kita boleh lihat sendiri minat generasi masa kini yang semakin gemar menghabiskan masa mereka menonton video menerusi gajet masing-masing baik di bilik, kedai makan, dalam tren atau di mana saja mengikut kelapangan. Selaku penyedia pendidikan tinggi, kami perlu menyesuaikan sistem pembelajaran dengan fenomena semasa.

“Penuntut sendiri mengakui kelebihan sistem pembelajaran seperti ini (online) yang memberi mereka fleksibiliti bagi mengatur masa malah di pihak universiti, kami boleh sentiasa mengemaskini bahan pembelajaran di portal mengikut ilmu terkini yang dirasakan perlu diketahui setiap penuntut,” katanya.